

Tiga lelaki ke tali gantung dalam kes bunuh pemuda Indonesia di TROPI

KUCHING: Mahkamah Tinggi di sini menjatuhkan hukuman gantung sampai mati terhadap tiga lelaki termasuk dua beradik selepas mereka didapati bersalah membunuh seorang pemuda warga Indonesia di luar kawasan Institut Penyelidikan Tanah Gambut Tropika (TROPI), Jalan Kuching-Samarahan pada 2019.

Pesuruhjaya Kehakiman Alexander Siew How Wai menjatuhkan hukuman itu terhadap Keithson Imang Tuba dan Ryan Mccallister Raedy masing-masing berusia 21 tahun serta Raymondson Ding Tuba, 26, pada 23 Julai 2022.

Mengikut pertuduhan, ketiga-tiga lelaki itu didakwa secara bersama dengan

niat melakukan kesalahan bunuh hingga menyebabkan kematian Damian Wati, 20, seorang lelaki warga Indonesia, pada 15 Julai 2019, antara jam 1.50 pagi hingga 7.30 pagi di luar kawasan TROPI.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori.

Difahamkan, ketiga-tiga tertuduh bersama mangsa minum minuman beralkohol sebelum tercetus pergaduhan antara mereka.

Tidak berapa lama kemudian, mayat mangsa dikatakan dijumpai di kawasan tersebut.